

**Menteri Luar Togo Robert Dussey Lawat Malaysia
Bernama
9 Apr, 2014**

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Menteri Hal Ehwal Luar dan Kerjasama Republik Togo Robert Dussey akan melakukan lawatan rasmi empat hari ke Malaysia bermula hari ini.

Menurut kenyataan Kementerian Luar lawatan itu bertujuan meningkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

"Ini lawatan pertama beliau ke Malaysia sejak dilantik sebagai Menteri Hal Ehwal Luar dan Kerjasama pada September 2013," menurut kenyataan itu.

Dussey akan diiringi delegasi lima pegawai daripada kementerian dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Togo.

Kenyataan itu turut menyebut Malaysia menyambut baik hasrat Togo untuk mengukuhkan dan meningkatkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara terutama dalam bidang perdagangan dan ekonomi.

Togo adalah rakan dagang keenam terbesar Malaysia di benua Afrika dengan jumlah dagangan antara kedua-dua negara pada 2013 mencatatkan RM1.056 bilion dengan imbalan dagangan memihak Malaysia iaitu barangan eksport antaranya lemak sayuran dan minyak.

Malaysia juga akan mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih kepada Togo kerana menyokong pencalonan Malaysia bagi kerusi tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi penggal 2015-2016.

Dussey dijadual mengadakan pertemuan dua hala dengan Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman selain menemui Presiden Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia, Pengarah Eksekutif Dewan Perniagaan dan Perindustrian Malaysia dan menghadiri sesi jaringan dengan Ketua Pegawai Operasi Exim Bank.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1029027>